



RAFEAH bergambar kenangan dengan Dr Syed Nasirin (kiri), Fadzli dan Mahathir (kanan) selepas ditemubual secara ekslusif di Labuan FM, kelmarin.



CENDERAMATA ... Syed Nasirin menyampaikan cenderamata kepada wakil Labuan FM diperhatikan Mahathir (dua kiri) dan Fadzli (kiri)

20 acara menarik sempena Tamu Gadang UMSKAL 2014

NST 13.11.2014 11

LABUAN: Sebanyak 20 acara akan diadakan pada program Tamu Gadang sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ke-16 2014 peringkat UMS Kampung Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang bermula pada Jumaat hingga Ahad ini.

Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Fazdli Sarudi berkata acara tersebut termasuk pertandingan bercerita, bola tampar pantai dan pertandingan nasyid yang diadakan pada Jumaat ini.

Sementara pada hari Sabtu bermula pukul 8 pagi akan diadakan pertandingan mewarna, public speaking, memancing, selfie, bola tampar pantai, mari mencuba kayak, kempen kesihatan, melastik, menjala, mari mencuba

golf, karaoke dan clash of bands.

“ Pertandingan stylista si comel, tarik tali dan bercerita akan diadakan pada hari Ahad juga bermula pukul 8 pagi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemubual oleh penyampai radio Labuan FM, Rafeah Haji Ibrahim di Jabatan Penyiaran Labuan, Jalan Tanjung Taras, kelmarin.

Turut ditemubual ialah Dekan Fakulti Ke-wangan Antarabangsa Labuan, Prof Madya Dr Syed Nasirin dan Pengarah Jabatan Pelancongan Perbadanan Labuan, Mahathir Abd Hamid.

Fazdli yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menggalu-alukan penyertaan orang ramai khusus-

nya warga Wilayah Persekutuan Labuan pada hujung minggu ini.

“ Selama tiga hari itu akan diadakan gerai jualan seperti makanan, minuman dan pakaian serta peralatan telekomunikasi,” katanya.

Sementara itu, Majlis Perarakan Berjubah Graduan akan bermula pukul 8 pagi dari Bangunan Perpustakaan Awam, Menara Perbadanan Labuan menuju ke Dataran Labuan.

Mahathir berkata Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd Nadzri Osman dan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah akan mendatangani pernyataan majlis yang sebelum itu dibaca oleh Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam.

Selepas itu akan diadakan majlis penyerahan kunci dan sijil kepada graduan yang akan disaksikan oleh Pengerusi Majlis Pe-nasihat Perbadanan Labuan, Datuk Yunus Ku-rus dan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mo-hd Said.

Syed Nasirin berkata majlis tersebut akan dimeriahkan dengan nyanyian Wind Orchestra dari Sekolah Menengah Sains Labuan yan- menjanjikan persembahan yang menarik.

Sehubungan itu, beliau menjemput orang ramai untuk menyaksikan Majlis Perarakan Berjubah Graduan 2014 yang hanya dilak sanakan oleh UMS -OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsaba-times.com.my)